



Oleh MOHAMMAD HAFIZ AHMAD
rencana@kosmo.com.my


Kesungguhan mengubah nasib kehidupan selepas menyertai projek Majudiri anjuran Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membawa hasil yang membanggakan.

KEPAYAHAN hidup berjauhan dari keluarga mebuatkan Puspavalli Narayansamy, 35, nekad mahu pulang ke tanah kelahirannya di Tapah, Perak.

Sewaktu mula-mula berhajat untuk bekerja sebagai penganalisis kewangan di Singapura, ibu tunggal itu hanya berniat untuk mengubah kehidupan keluarganya memandangkan menerima gaji bulanan yang lebih tinggi mengikut nilai mata wang republik itu.

Segala kerisauan dan ketakutan yang bersarang dalam hati tidak diendahkan malah dia melangkah penuh berani untuk mencabar kemampuan dirinya.

Sepanjang bekerja di tanah asing dari tahun 2009 hingga awal 2012, segala nekad mahu kehidupan ditelan



SHAHABUDIN terus berusaha dalam memajukan diri dalam bisnes pembinaan yang telah dilakukan sejak usia remaja.

Perubahan hidup melalui Majudiri

kosmo 26/12/12
MS 22.

lukan perhatian dan penajaan se...

cara untuk mengembangkan perni...

tingkat malah bersedia berdonasi do...

gala pahit mualnya selama kehidupan ditelan sendiri. Berulang-alik dari Johor Bahru ke Singapura, dia tetap menggagahkan dirinya hanya kerana satu niat iaitu untuk mengubah nasib keluarganya.

Begitupun, sebuah peristiwa hitam terjadi hingga hampir meragut nyawa ibu kepada dua orang anak itu.

"Sewaktu sedang menunggu bus untuk ke tempat kerja, beg tangan saya telah diragut oleh manusia berhati binatang," ujarnya yang mengimbas kembali insiden ngeri tersebut.

Tangan kirinya telah patah lalu menyebabkan segala upayanya untuk bekerja terjejas. Ditambah pula dengan beberapa masalah lain, motivasi hidupnya dirasakan berkecai sama sekali. Puspavalli yang patah hati, terus pulang ke kampung halamannya.

Hidupnya terus terumbang-ambing lantaran kehilangan punca pendapatan. Namun, melihatkan dua anak lelakinya yang sedang membesar dan memer-

PENYERTAAN Shahabudin dalam program Majudiri membuatkan bisnes pembinaannya semakin berkembang luas.

lukan perhatian dan penjagaan sewajarnya, wanita cekal itu menyusun kembali langkahnya.

"Pada mulanya, saya merasakan kehidupan saya telah musnah hingga terpaksa meminjam wang untuk perbelanjaan makanan dan keperluan anak-anak saya," ujarnya.

Rumah ibu

Mujur Puspavalli masih memiliki tempat berteduh iaitu di rumah ibunya di Chenderiang, Tapah. Kelangsungan hidup mereka sekeluarga hanya bergantung kepada penjualan makanan ringan tradisional India, muruku, yang dijual secara kecil-kecilan kepada jiran tetangga dan teman-teman yang memahami keadaan hidupnya.

"Setiap hari, saya dan ibu sentiasa memikirkan



SHAHABUDIN



SHIDDIEQIIN ZON



PENDAPATAN bulanan Puspavalli meningkat selepas menyertai program Majudiri.

tingkat malah bersedia berdepan dengan segala kemungkinan.

"Tidak dinafikan, episod duka akibat perceraian dahulu sedikit sebanyak telah mengubah corak kehidupan saya. Kini, emosi itu beransur hilang dan berganti dengan kesungguhan untuk mengubah nasib hidup," ujarnya optimis.

Diiringi doa dan harapan ibunya yang mahukan Puspavalli kembali tegar meneruskan kehidupan, dia kini mula mengorak langkah memajukan bisnes muruku dan beberapa jenis makanan manis tradisi India.

Cari penyelesaian

"Projek Majudiri tersebut banyak mengajar saya mencari penyelesaian atas setiap permasalahan perniagaan yang saya hadapi.

"Malah, setiap peserta turut diberi panduan untuk memajukan bisnes dengan lebih meluas dan lari daripada kepompong lama," jelasnya.

Usai program tersebut, Puspavalli dapat merasakan peluang yang terbentang luas sedia menanti dirinya untuk diterokai dan mengembangkan jenama syarikatnya, Chellam Sweets ke peringkat lebih tinggi.

"Jika sebelum ini, saya tercairi-cari peluang, rupanya saya tidak sedar yang ia telah tersedia di hadapan saya sejak sekian lama," tambahnya.

Ruang niaganya semakin mendapat tempat bukan sahaja dalam kalangan penghuni kejirannya malah turut melangkaui hingga ke luar negeri.

"Saya ada menerima pesanan dari Johor hingga ke Singapura. Saya kini sedang menunggu pengesahan daripada seorang kawan untuk memasarkan muruku buatan saya ke China," ujarnya bersungguh-sungguh.

Kelengkapan membuat manisan juga sedang dalam proses untuk digantikan ke peralatan yang lebih canggih. Selain daripada itu, dia turut berkira-kira untuk membesarkan lagi ruang dapurnya untuk memudahkan kerja-kerja pembuatan.

"Jika dahulu, kadar pendapatan keluarga kami hanya sekitar RM1,000 sebulan, tetapi kini ia mencecah sehingga RM3,000 hingga RM4,000



AHLI keluarga Puspavalli turut membantu dalam bisnes membuat makanan tradisi India.



MURUKU Puspavalli kini mendapat tempahan dari dalam dan luar negeri.

KDSMG 26/12/13 23

◀ walaupun bukan pada musim perayaan. "Saya juga mempunyai dua orang pembantu bagi meringankan beban pekerjaan jika mendapat tempahan yang lebih," jelasnya.

Motivasi seorang bapa

Perubahan hidup yang lebih selesa turut diimpikan oleh seorang tukang membuat rumah, Shahabudin Ismail, 60.

Dengan hampir separuh daripada hidupnya berkecimpung dalam bidang pembinaan, Shahabudin sebelum ini hanya mampu menampung tujuh anaknya dengan pendapatan tidak tetap iaitu sekitar RM350 seminggu.

Semua itu bergantung kepada permintaan kerja yang tidak menentu malah ditambah dengan keadaan dirinya yang semakin berusia.

"Kalau dapat projek, dapatlah saya memberi sedikit wang kepada isteri untuk dibuat perbelanjaan seharian," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Membantu mengurangkan beban keluarga, isterinya turut bersama-sama mencari rezeki dengan bekerja sebagai tukang masak di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) berdekatan rumahnya yang terletak di PPRT Kampung Tok Sirat, Lintang, Sungai Siput, Perak.

"Saya masih ada empat orang anak yang masih bersekolah dan memerlukan

sumber kewangan bagi menampung belanja harian dan persekolahan mereka," ujarnya.

Shahabudin pada awalnya hairan kerana peluang masih belum terbuka buat dirinya walau sudah bertahun lama berkecimpung dalam kerjaya tersebut dan banyak kali cuba memajukan perniagaannya.

"Mungkin disebabkan saya hanya menanti peluang tanpa mencari ruang untuk melangkah lebih jauh, membuatkan perniagaan saya masih di takuk lama," jelasnya.

Komunikasi berkesan

Atas saranan daripada ketua kampung yang menasihatkannya untuk mengikuti program Majudiri, dia mula merasai perubahan dalam diri.

"Program tersebut membuka minda saya untuk mencari peluang dalam memajukan lagi ruang perniagaan saya," ujarnya.

Antara yang dipelajari dalam program itu adalah latihan komunikasi, kaedah pemasaran bisnes, mengenal pasti sasaran niaga dan asas keusahawanan.

"Salah satu skil yang berguna pada saya adalah komunikasi secara berkesan ketika berjumpa pelanggan. Ia meningkatkan lagi cara pergaulan agar tampil lebih yakin dalam sebarang perbincangan," jelas Shahabudin.

Tambahnya, jika sebelum ini dia hanya mampu memberi cadangan atau pandangan cara lama, kini Shahabudin lebih terbuka dalam memberi idea dan pendapat yang lebih segar dan meyakinkan.

"Kami diajar untuk mengurus syarikat dengan strategi yang lebih praktikal mengikut keadaan semasa. Jika dalam kebuntuan akibat berhadapan dengan masalah, cari jalan penyelesaian melalui pelan kedua," ujarnya.

Keterbukaan dirinya mula membuahkan hasil apabila dia semakin banyak mendapat projek. Ia turut merangkumi pembinaan dalam skala yang lebih besar sehingga mampu untuk mengupah beberapa pekerja tempatan. Dia juga menumpukan prospek perniagaan yang lebih luas berbanding sebelumnya.

"Boleh dikatakan saya kini mampu menarik nafas lega kerana banyak mendapat projek. Jika saya masih berfikir seperti dahulu dan tidak menyertai program Majudiri tersebut, pendapatan keluarga saya tentunya tetap seperti dahulu," ujarnya.

Dia sudah mampu tersenyum apabila mampu mendapat sumber pendapatan sekitar RM10,000 hingga RM20,000 untuk sesebuah projek. Bersyukur dengan rezeki yang kini terbentang luas, Shahabudin mahu mendedikasikan hasil usaha itu untuk ahli keluarganya.

ANTARA projek-projek yang terdapat dalam Yayasan 1MDB:

■ Projek Majudiri

Program selama dua hari diberikan kepada peserta untuk meningkatkan keyakinan diri, latihan komunikasi, cara pemasaran perniagaan, mengenal pasti sasaran bisnes dan asas keusahawanan.

■ Khidmat Masyarakat 1Malaysia

Memberi khidmat bantuan kesihatan kepada orang ramai dengan menasaskan kepada masyarakat luar bandar dan pelajar sekolah. Melibatkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemeriksaan kesihatan dan pemeriksaan mata.

■ Nadi Kasih

Meningkatkan kualiti kehidupan bagi golongan miskin dan miskin tegar terutamanya di kawasan luar bandar. Kehidupan rakyat dan kualiti hidup masyarakat yang kurang bernasib baik ini boleh diperbaiki dengan menyediakan persekitaran rumah yang selesa dan selamat.

■ Vitamin 1Malaysia

Pemberian pil vitamin kepada murid-murid sekolah rendah tiga kali seminggu pada hari-hari persekolahan untuk membantu mereka meningkatkan tumbesaran dan zat pemakanan sekali gus mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Perkembangan peserta program dipantau

PROJEK Majudiri merupakan salah satu inisiatif Yayasan IMalaysia Development Berhad (IMBD) yang bertujuan memberi galakan kepada pengusaha kecil melalui program dua hari merangkumi pelbagai perkara dalam bidang keusahawanan.

Sepanjang projek tersebut, setiap peserta akan mempelajari perkara-perkara asas seperti kaedah pemasaran efektif, komunikasi, mengenal pasti golongan sasaran, pengurusan kewangan dan banyak lagi.

Naib Presiden Kanan, Komunikasi Korporat IMDB, Shahriza Embi berkata, projek yang dilancarkan pada Mei 2012 tersebut terbuka kepada semua lapisan masyarakat tidak mengira umur tetapi lebih menumpukan golongan berpendapatan rendah seperti ibu tunggal,



SHAHRIZA

penganggur dan peniaga kampung.

“Projek Majudiri membantu pengusaha dan individu dengan pendapatan rendah dalam meningkatkan keupayaan diri dan bisnes mereka agar mampu bersaing dengan prasarana yang sedia ada,” ujarnya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, selepas program itu, peserta akan dipantau secara mingguan untuk melihat perkembangan dan perubahan yang dialami dalam perniagaan-mereka.

“Yayasan IMDB menyasarkan 6,000 peserta di Semenanjung Malaysia. Setakat ini, seramai

1,190 peserta telah menyertai projek tersebut dan ia masih memberi peluang kepada orang ramai untuk turut serta dalam program seterusnya.” jelasnya.



PARA peserta yang mengikuti projek Majudiri diberi bimbingan untuk lebih berdaya dalam perniagaan.